

PM arah BN ambil pendekatan serang

20 MAY 2002
Oleh ZULKIFLI JALIL
dan YUSRI SAHAT

SHAH ALAM 19 Mei — Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad mengarahkan semua parti komponen Barisan Nasional (BN) mengambil pendekatan menyerang dan tidak lagi defensif dalam mendedahkan segala kelemahan dan muslihat parti pembangkang kepada rakyat selama ini.

Tegas Perdana Menteri yang juga Pengerusi BN, pembangkang sebenarnya melakukan banyak penipuan termasuk menjanjikan pelbagai program pembangunan yang malangnya tidak ditunaikan langsung.

Pembangkang mendakwa mana-mana kerajaan boleh melaksanakan apa yang dilakukan oleh BN.

Namun, tegas beliau, semua maklum bahawa sekalipun mereka menjadi kerajaan, rakyat pasti menderita dan pembangunan tidak wujud sama sekali.

“Parti-parti lawan melakukan banyak kesalahan dan kesalahan mereka perlu didedah sepanjang masa supaya rakyat tahu apakah sebenar parti-parti lawan ini.

“Kita harus bertanya di manakah pembangunan yang telah dijanjikan oleh parti pembangkang kepada rakyat semasa pilihan raya umum lalu,” katanya semasa beru-

komited mengelak pertelingkahan sesama anggota sendiri.

“Ini kerana tidak ada rebutan untuk mendapatkan jawatan-jawatan tinggi dalam MIC di kalangan pemimpin dan anggotanya. Terdapat sikap tolak ansur antara mereka,” katanya.

Menurut Dr. Mahathir lagi, urusan dalaman parti-parti komponen sebenarnya adalah tanggungjawab parti masing-masing.

“Namun atas kesedaran bahawa

cap merasmikan Perhimpunan Agung MIC ke-56 di Dewan Jubli Perak, Bangunan Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah di sini, hari ini.

Hadir sama ialah semua pemimpin parti komponen BN termasuk Presiden MCA, Datuk Seri Dr. Ling Liong Sik dan Presiden Gerakan, Datuk Seri Dr. Lim Keng Yaik.

Dr. Mahathir berkata, percubaan parti lawan untuk meniru pendekatan BN jelas tidak berjaya.

Tegasnya, ini kerana barang tiruan tetap tidak berkualiti.

“Tidak ada kejujuran dalam pakatan jahat mereka. Jelas sekali, kuasa sahaja tidak mencukupi untuk memerintah dan membangunkan negara.

“Kecekapan tertentu diperlukan dan parti lawan tidak memiliki kecekapan ini,” ujarnya.

Seramai 1,400 perwakilan MIC menghadiri majlis itu yang dimulakan dengan ucapan dasar Presiden MIC, Datuk Seri S.Samy Vellu.

Menurut Dr. Mahathir, sebab itu beliau mahu semua parti komponen BN bersiap sedia menangani cabaran pembangkang, antaranya dengan mengelak pertelingkahan sesama sendiri atau berebut jawatan dalam parti.

Tegasnya, meskipun BN mengamalkan demokrasi dalam parti, sikap suka berebut jawatan-jawatan

kelemahan sesuatu parti komponen boleh merosakkan parti campuran kita, kadang-kadang jika diminta, saya sanggup memberi pandangan dan nasihat,” katanya.

Sama ada pandangan dan nasihat itu diterima atau tidak, ia adalah hak masing-masing.

“Ini adalah cara kita dalam BN dan ia memberi kekuatan kepada pakatan kita,” kata Perdana Menteri.

Bercakap kepada pemberita ke-

tinggi setiap kali ada pertandingan atau di masa-masa lain, akan hanya merosakkan parti berkenaan.

“Lebih buruk lagi, jika pertandingan merebut kedudukan tinggi dalam parti adalah kerana ketamakan kuasa, dendam, kebencian, hasad dengki, ketaksuban pada seseorang, sikap oportunistik, mementingkan diri sendiri dan politik wang,” ujarnya.

Dalam hubungan ini, Perdana Menteri berkata, masalah dalaman parti, sama ada yang remeh mahupun serius, perlu diselesaikan secara baik dan bijaksana.

Masalah dalaman parti tidak perlu diperbesar-besarkan hingga diketahui parti lawan serta menjadi buah mulut orang ramai yang tentu akan mengambil pendirian negatif terhadap BN.

“Lebih buruk lagi keadaannya apabila pihak-pihak bersengketa menggunakan akhbar untuk mendedahkan keburukan masing-masing sehingga parti kelihatan buruk dan busuk di kalangan orang ramai.

“Keadaan sedemikian sudah tentu akan menjejaskan kedudukan, kewibawaan dan maruah BN,” katanya.

Pengerusi BN itu menarik perhatian bahawa MIC boleh dijadikan contoh sebagai parti yang sentiasa

mudiannya bagi mengulas penguasaan Presiden Parti Keadilan Nasional (Keadilan), Datin Seri Dr. Wan Azizah Wan Ismail bahawa sokongan rakyat kepada parti pembangkang semakin berkurangan, katanya, perjuangan parti itu sebenarnya tidak ada matlamat.

Tegas beliau, perjuangan parti itu selama ini hanya untuk memperjuangkan nasib seseorang, bukan rakyat keseluruhannya.

“Sebab itu lama-kelamaan orang tiada minat lagi,” katanya.